



The Sarawak Museum Journal

Vol. 89 No. 110

December 2025

THE SARAWAK MUSEUM
JOURNAL



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Jalan, A. D. (2025). Rajang Area Security Command (RASCOM): Operasi Menentang Ancaman Komunis di Bahagian Sarikei, 1972-1981. The Sarawak Museum Journal, 89 (110): 1-22

RAJANG AREA SECURITY COMMAND (RASCOM): OPERASI MENENTANG ANCAMAN KOMUNIS DI BAHAGIAN SARIKEI, 1972-1981

*RAJANG AREA SECURITY COMMAND
(RASCOM): OPERATION AGAINST COMMUNIST
THREAT IN SARIKEI DIVISION, 1972-1981*

Anita Dilam Jalan

SK Nanga Pakan, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Julau, 96600 Julau, Sarawak.
anitadilam@gmail.com

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan mengkaji tentang penubuhan dan peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei dari tahun 1972 hingga 1981. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan dengan memperoleh sumber utama seperti dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Cawangan Negeri Sarawak. Data kajian turut diperoleh daripada sumber kedua melalui kajian perpustakaan. Analisis data dalam kajian ini berdasarkan teori hermeneutik dalam tafsiran sejarah. Dapatan kajian menunjukkan ancaman-ancaman komunis yang berlaku di bahagian Sarikei pada sekitar tahun 1972 hingga 1981 terbahagi kepada dua iaitu ancaman subversif dan ancaman keselamatan. Dapatan kajian juga menunjukkan RASCOM telah melancarkan pelbagai bentuk operasi dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei pada sekitar tempoh tersebut seperti Operasi *Ngayau*, Perhimpunan Awam, *Tenant Registration Exercise*, *Food Denial Exercise*, Pentas Rakyat, dan Taklimat Keselamatan. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa RASCOM telah memainkan peranan penting dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei melalui pelaksanaan pelbagai operasi yang ternyata telah memberi impak yang positif. Implikasi kajian menunjukkan bahawa peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis dan mewujudkan keamanan yang dikecapi di negeri Sarawak, khususnya di bahagian Sarikei wajar diberi penghargaan dan pengiktirafan dalam konteks pensejarahan Sarawak

Keywords: *Rajang Area Security Command* (RASCOM), komunis, Sarikei, Sarawak





RAJANG AREA SECURITY COMMAND (RASCOM): OPERASI MENENTANG ANCAMAN KOMUNIS DI BAHAGIAN SARIKEI, 1972-1981

*RAJANG AREA SECURITY COMMAND
(RASCOM): OPERATION AGAINST COMMUNIST
THREAT IN SARIKEI DIVISION, 1972-1981*

Anita Dilam Jalan

SK Nanga Pakan, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Julau, 96600 Julau, Sarawak.
anitadilam@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tentang penubuhan dan peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei dari tahun 1972 hingga 1981. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan dengan memperoleh sumber utama seperti dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Cawangan Negeri Sarawak. Data kajian turut diperoleh daripada sumber kedua melalui kajian perpustakaan. Analisis data dalam kajian ini berdasarkan teori hermeneutik dalam tafsiran sejarah. Dapatan kajian menunjukkan ancaman-ancaman komunis yang berlaku di bahagian Sarikei pada sekitar tahun 1972 hingga 1981 terbahagi kepada dua iaitu ancaman subversif dan ancaman keselamatan. Dapatan kajian juga menunjukkan RASCOM telah melancarkan pelbagai bentuk operasi dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei pada sekitar tempoh tersebut seperti Operasi *Ngayau*, Perhimpunan Awam, *Tenant Registration Exercise*, *Food Denial Exercise*, Pentas Rakyat, dan Taklimat Keselamatan. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa RASCOM telah memainkan peranan penting dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei melalui pelaksanaan pelbagai operasi yang ternyata telah memberi impak yang positif. Implikasi kajian menunjukkan bahawa peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis dan mewujudkan keamanan yang dikecapi di negeri Sarawak, khususnya di bahagian Sarikei wajar diberi penghargaan dan pengiktirafan dalam konteks pensejarahan Sarawak

Keywords: *Rajang Area Security Command (RASCOM)*, komunis, Sarikei, Sarawak

ABSTRACT

This study aims to examine the establishment and role of RASCOM in dealing with the communist threat in Sarikei from 1972 to 1981. A qualitative approach with a document and manuscript analysis design was used by obtaining primary sources such as documents and manuscripts found in Sarawak State Branch National Archives. Research data was also obtained from secondary sources through library research. Data analysis in this study is based on hermeneutic theory in historical interpretation. The findings of the study show that the communist threats that occurred in Sarikei around 1972 to 1981 were divided into two, namely subversive threats and security threats. The findings also showed that RASCOM had launched various forms of operations in addressing communist threats in Sarikei Division around the period such as Ngayau Operations, Public Assembly, Tenant Registration Exercise, Food Denial Exercise, "Pentas Rakyat" and Security Briefing. The conclusion of the study shows that RASCOM has played an important role in dealing with the communist threat in the Sarikei area through the implementation of various operations that have had a positive impact. The implications of the study show that the role of RASCOM in dealing with the communist threat and creating peace in the state of Sarawak, especially in the Sarikei section deserves to be appreciated and recognized in the context of Sarawak's history.

Keywords: Rajang Area Security Command (RASCOM), komunis, Sarikei, Sarawak

PENGENALAN

Ancaman ideologi komunis bukan sahaja bergiat aktif di Tanah Melayu, malahan bahang ancaman komunis tersebut turut dapat dirasai di Bumi Kenyalang. Kedatangan komunis ke Sarawak berlaku dalam tahun 1960-an sehingga 1990. Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Komunis Sarawak (PKS) tidak mempunyai hubungan secara terus tetapi mempunyai satu ideologi yang sama.¹ Gerakan komunis di Sarawak bertujuan untuk memperjuangkan pembebasan Sarawak daripada penjajahan dan membentuk kerajaan komunis di Sarawak.² Pemberontakan Brunei dan Konfrontasi Indonesia merupakan satu peluang keemasan yang digunakan sebaiknya oleh PKS untuk membuat persediaan dari aspek ketenteraan untuk mencetuskan pemberontakan bersenjata di Sarawak.³ Dalam konteks Sarawak, PKS telah memperhebatkan serangan hendap mereka di Bahagian Ketiga⁴ disebabkan kekuatan pengganas komunis kebanyakannya bertumpu di Bahagian Ketiga. Komunis mula beralih tumpuan kepada Bahagian Ketiga Sarawak (Rajang) iaitu di kawasan daerah Sibul, Kanowit, Binatang, Sarikei dan Kapit rentetan daripada masalah

¹Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 176. • ²Ho Hui Ling, *Orang Dayak dan Gerakan Komunis di Sarawak, 1963–1990*, KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities 29(1), 2022, hlm. 118. • ³Mohd. Reduan Haji Asli. Op. Cit., hlm. 172. • ⁴Rujuk Portal Rasmi Pentadbiran Bahagian Sarikei. Bahagian Ketiga di Sarawak merangkumi kawasan Sibul, Sarikei, Binatang, Julau, Kanowit dan Kapit. Dalam penulisan ini, pengkaji akan berfokuskan kepada kawasan di bahagian Sarikei.